

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 1 (A19)

Adakah terdapat perancangan untuk menukar status Hakmilik Tanah Sementara kepada Hakmilik Kekal dikawasan penempatan milik bumiputera untuk meningkatkan nilai hartanah dan meningkatkan penggunaannya?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 2 (A61)

Apakah polisi Kerajaan Johor dalam pemberimilikan tanah kerajaan kepada rakyat dan adakah pemberimilikan sementara tanah kerajaan yang diusahakan akan dibenarkan pemberimilikan kekal?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A19 & A611)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 3 (A71)

Apakah langkah-langkah terkini yang dilakukan bagi memastikan kadar ponteng kelas dan sekolah semakin berkurangan di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Langkah yang di ambil oleh pihak sekolah ialah dengan mengadakan :

1. Guru Bimbingan Kaunseling Sekolah mengadakan sesi bimbingan dan kaunseling kepada murid-murid yang bermasalah ponteng. Berdasarkan data 'eRekod Kaunseling Sekolah-Sekolah Negeri Johor' (Januari – Jun 2019), jumlah kes ponteng ialah sebanyak 3,992 kes . Kes ponteng yang telah diselesaikan setakat ini ialah sebanyak 298 kes. Murid-murid ini telah menunjukkan perubahan tingkahlaku iaitu tidak mengulangi kesalahan ponteng lagi. Selebihnya (3,694 kes) lagi, masih dalam proses bimbingan dan kaunseling dan dilakukan secara berterusan sehingga akhir tahun persekolahan 2019
2. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah melaksanakan Pelancaran Program Jom Ke Sekolah Tahun 2019 serentak di semua peringkat, Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Sekolah-Sekolah di negeri Johor pada 18 Februari 2019. Ianya bertujuan untuk menggalakkan murid-murid hadir ke sekolah pada setiap hari persekolahan. Dengan cara ini dapat mempertingkatkan usaha pihak sekolah kearah pembentukan sahsiah dan kemenjadian murid dalam semua lapangan.
3. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah melaksanakan Pelancaran Program Ziarah Cakna Peringkat Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah-Sekolah di negeri Johor pada 27 Januari 2019. Program Ziarah Cakna ini merupakan lawatan guru ke rumah-rumah murid untuk bertemu dengan ibubapa/penjaga berbincang dan bertukar-tukar fikiran dalam mengatasi isu/masalah anak-anak mereka. Ianya juga bertujuan untuk memberikan bantuan sokongan seterusnya mewujudkan hubungan baik dan jaringan kerjasama antara Sekolah dan ibubapa/penjaga. Program Ziarah Cakna ini akan berlangsung sepanjang tahun 2019 ini. Berikut adalah maklumat Program Ziarah Cakna (data Jan – Jun 2019):

- | | |
|-----------------------------------|---------------------|
| 3.1 Jumlah Keluarga Yang Dilawati | - 3,731 keluarga |
| 3.2 Jumlah Murid Yang Terliba | - 4,833 orang murid |
| 3.3 Jumlah Guru Yang Melaksanakan | - 4,638 orang guru |

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 4 (A162)

Berapakah jumlah RMBJ yang telah ditawarkan kepada awam selepas PRU14 dan berapakah RMBJ dijangka akan siap sebelum 2023 setakat kelulusan yang diberikan sehingga hari ini?

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 5 (A165)

Berapakah jumlah permohonan rumah kos rendah dan rumah mampu biaya di negeri Johor serta jumlah rumah kos rendah dan rumah mampu biaya yang dirancang dan dapat dibina di negeri Johor?

YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 6 (A50)

Apakah status pembinaan 100,000 unit rumah mampu milik melalui Projek Perumahan Rakyat (RMMJ) bagi negeri Johor dan DUN Layang-Layang?

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 7 (A92)

Sila nyatakan berapakah jumlah Rumah Mampu Biaya yang telah siap sepenuhnya di seluruh negeri Johor dan berapakah yang telah diserahkan kunci kepada pemohon?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan sentiasa membuat pemantauan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor melalui Jawatankuasa Taskforce Perumahan Negeri Johor. Dicatatkan jumlah Rumah Mampu Biaya Johor yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,035 unit. Melalui jawatankuasa ini juga, dijangkakan rumah yang akan siap bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 adalah sebanyak 21,374 unit.

Merujuk kepada Sistem Perumahan Johor, jumlah permintaan bagi Rumah Mampu Biaya Johor adalah 42,981 permohonan. Bermula pada 1 Ogos 2018, kerajaan telah memutuskan satu kaedah baru dalam menguruskan agihan perumahan secara lebih telus, di mana kaedah agihan ini dibuat secara undian terbuka. Sehingga Mei 2019 sebanyak 12 projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor. Dari 12 projek tersebut 4 projek telah di jalankan majlis undian terbuka. Ianya merangkumi sebanyak 966 unit.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

Manakala baki projek-projek tersebut masih di dalam proses hebahan kepada orang awam serta menunggu giliran bagi proses undian yang akan datang.

Selain itu, bagi menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat ADUN Layang-layang berkenaan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor di DUN Layang-Layang, berikut adalah senarai pembangunan:

Bil	Nama Pemaju	Bilangan Rumah (unit)
1	Kejora	47
2	Dyna Tenaga	87
3	SKF Properties	28
4	VC Link Sdn Bhd	9
5	Rengland Development Sdn Bhd	17
Jumlah		188

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 8 (A117)

Kewangan Kerajaan Negeri Johor amat bergantung kepada hasil cukai tanah dan hasil cukai bumi. Justeru, apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam usaha memperluas jenis hasil supaya dapat memperkukuhkan kewangan Negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 9 (A16)

Minta penjelasan status terkini perkhidmatan kesihatan di Negeri Johor. Sila nyatakan jumlah hospital kerajaan dan swasta, bilangan katil, jumlah doktor dan jururawat. Adakah kemudahan ini menepati piawaian antarabangsa. Jika tidak menepati, apakah langkah yang sedang dan akan diambil pihak kerajaan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Negeri Johor mempunyai 12 buah hospital kerajaan yang mana 6 adalah hospital berpakar, 1 institusi psikiatrik dan 5 hospital tanpa pakar. Jumlah keseluruhan katil bagi hospital kerajaan negeri Johor adalah 4,068 katil (tanpa mengambil kira 1,132 katil di Institusi Psikiatri Hospital Permai). Di dalam negeri Johor juga terdapat 18 hospital swasta yang beroperasi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,090 katil.

Terdapat 2659 Doktor yang bertugas di hospital dan klinik kerajaan dan 486 Doktor di hospital swasta dengan jumlah keseluruhan 3,145 Doktor yang memberi perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital bagi keseluruhan 3,770,300 penduduk negeri Johor. Bagi Jururawat pula, seramai 8,390 orang bertugas di fasiliti kerajaan dan 2,035 bertugas di hospital swasta dengan jumlah keseluruhan pemberi perkhidmatan kesihatan seramai 10,425 orang Jururawat.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Johor (2018), nisbah Doktor kepada populasi adalah 1:1,199. Manakala nisbah katil kepada populasi adalah 1.44 : 1,000 populasi. Merujuk Rangka Kerja Pelan Strategik Kepakaran dan Subkepakaran Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 -2020), nisbah ini belum mencapai sasaran kementerian secara keseluruhan yang telah ditetapkan iaitu nisbah Doktor kepada populasi dengan indikator 1:400, manakala nisbah katil kepada populasi adalah 2.3 : 1,000 populasi.

Sumber manusia adalah salah satu kekangan yang dihadapi di dalam usaha mencapai sasaran yang ditetapkan. Di antara langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menambahkan bilangan Doktor dan Jururawat adalah dengan mempercepatkan masa menunggu kemasukan dalam perkhidmatan kerajaan dan kemasukan dalam perkhidmatan melalui perjawatan kontrak tidak perlu menunggu kekosongan perjawatan.

Kerajaan telah meluluskan pembinaan Hospital Pasir Gudang di dalam *Rolling Plan* Pertama RMK-11 dan sekarang di dalam proses penyediaan dokumen tender. Pembinaan dijangka bermula pada tahun 2020 dan akan menempatkan 304 buah katil.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 10 (171)

Apakah usaha yang dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negeri Johor untuk memperkasakan agenda perpaduan melalui KRT?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Rukun Tetangga (RT) adalah merupakan mekanisme penting di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) untuk membantu Kerajaan memupuk dan memperkukuhkan agenda perpaduan di peringkat komuniti. Justeru itu, pihak Jabatan, khususnya PERPADUAN Johor pelbagai merangka inisiatif ke arah memperkasakan peranan RT sebagai agen perpaduan dan juga mata serta telinga Kerajaan dalam komuniti.

Mulai tahun 2019, PERPADUAN Johor telah menyediakan **Program Pemerkasaan Rukun Tetangga 2019 – 2020 di bawah Pelan Strategik Jabatan**. Program Pemerkasaan RT ini bertujuan untuk menyediakan RT untuk berdepan dengan pelbagai cabaran untuk memastikan kesejahteraan sosial dan perpaduan kaum dapat direalisasikan. Melalui temanya **“Rukun Tetangga: Mendepani Cabaran, Meralisasikan Harapan”** maka, 10 Program Pemerkasaan telah dirangka seperti berikut:

- 1. Kepimpinan**
Memperkemas dan memantapkan kepimpinan pemimpin utama dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga agar dapat memainkan peranan secara lebih efektif.
- 2. Pengurusan dan Pentadbiran RT**
Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman Jawatankuasa Utama Rukun Tetangga bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus RT.
- 3. Penyediaan Pelan Tindakan Kejiranan atau “MyPTK2019”**
Bagi memastikan RT melaksanakan aktiviti mengikut isu, cabaran dan keperluan komuniti serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berimpak tinggi.
- 4. Pengurusan Isu/Mediasi/Pendamai Komuniti**
Melatih dan menyediakan Jawatankuasa Utama RT dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan komuniti masing-masing dengan berkesan. Pemimpin RT juga bertindak sebagai orang tengah bagi menyelesaikan sebarang pertikaian yang berlaku dalam komuniti masing-masing.
- 5. Pendidikan Perpaduan**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman barisan kepimpinan RT mengenai aspek perpaduan bagi memantapkan peranan mereka sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi dan seterusnya dapat disebar luaskan kepada masyarakat melalui kaedah “engage” dan “educate” atau “damping” dan “didik”.

- 6. Pembangunan Jiran Muda**
Membangun dan memantapkan peranan generasi muda dalam membantu Kerajaan meningkatkan kesepaduan sosial dan kesejahteraan masyarakat.
- 7. Pengukuhan Biro-Biro**
Memastikan setiap RT menubuhkan dan memperkukuhkan Biro-Biro di bawah RT masing-masing iaitu Biro Jiran Wanita (SeJIWA), Biro Jiran Muda, Biro Jiran Usia Emas dan Biro Tunas Jiran.
- 8. Pembangunan Ekonomi Komuniti**
Menggalakkan RT menjalankan projek ekonomi bagi menjana pendapatan dan membantu mengurnagkan kos sara hidup.
- 9. Penarafan Bintang (*Star Rating*)**
Memberi penarafan bintang kepada RT yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan sebagai penanda aras tahap yang telah dicapai oleh RT.
- 10. Anugerah Kecemerlangan RT**
Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada RT yang cemerlang. Pengiktirafan ini bertujuan untuk memotivasikan RT agar terus memperkukuhkan peranan mereka dalam komuniti sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan.

Oleh itu, semua pihak adalah disarankan untuk sentiasa memberikan sokongan serta komitmen serta kerjasama yang erat dengan Rukun Tetangga untuk memastikan Rukun Tetangga dapat memainkan dengan lebih berkesan dan memberi impak yang tinggi kepada aspek perpaduan dan kesejahteraan sosial masyarakat

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 11 (A129)

Sila nyatakan berapakah destinasi pelancongan dan acara sambutan yang telah ditentukan untuk dipromosikan dalam kempen Tahun Melawat Johor 2020?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Dalam memperhebatkan kempen Tahun Melawat Johor 2020, Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor kini sedang mempergiatkan lagi usaha menambahbaik persediaan dari segi fizikal dan rangka promosi.

Untuk makluman, Tourism Johor merancang memperkenalkan 20 acara bertaraf domestik dan antarabangsa serta 20 destinasi terpilih dengan adanya produk pelancongan yang unit dan berpotensi di seluruh daerah negeri Johor. Ianya sebagai simbolik sambutan Tahun Melawat Johor 2020. 20 acara yang terpilih merupakan acara sedia ada yang tersenarai dalam kalendar pelancongan Johor termasuk acara sukan, festival makanan, perayaan, budaya dan pendidikan selain memperkenalkan acara baharu.

Tourism Johor amat komited untuk mempromosikan cadangan penyenaian memperkenalkan 20 acara terpilih yang berpotensi diketengahkan dan mempunyai prospek yang memenuhi permintaan pasaran antarabangsa antaranya seperti Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang, Kembara Mahkota Johor, Festival Chingay, Johor International Rally, Karnival Jambatan Sultan Ismail, Festival Makanan Johor, Johor Arts Festival dan lain-lain.

Dengan penglibatan bersama Yayasan Warisan Johor, acara sambutan meraikan kedatangan para pelancong akan dibuat di pintu-pintu masuk yang terpilih secara Senai Airport, Terminal Feri dan CIQ Johor Bahru. Usaha ini sejajar dengan sasaran sejumlah 17.4 juta pelancong pada tahun 2020.

Bagi menyokong menjayakan pelaksanaan Tahun Melawat Johor 2020, kerjasama erat yang berterusan daripada pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, agensi swasta serta penggiat industri pelancongan negeri Johor dengan menerapkan nilai Think Tourism, Act Tourism akan menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan terunggul di persada antarabangsa.

Sebagai tambahan, tahun hadapan (Tahun 2020) negeri Johor turut akan menjadi tumpuan sebagai tuan rumah SUKMA XX Johor 2020. Kerajaan negeri telah menyasarkan sebanyak 17.4 juta pelancong pada tahun hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 12 (A131)

Berapakah jumlah sasaran kemasukan pelancongan yang diletakkan oleh Kerajaan Johor bagi Tahun Melawat Johor 2020?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Tahun Melawat Johor 2020 (VJY2020) merupakan satu misi negeri Johor yang mana pelaksanaannya akan memastikan Johor kekal kompetitif dalam industri pelancongan. Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor telah menetapkan visinya; **menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan serantau bernilai tinggi menjelang tahun 2020** manakala misinya pula **merancang, membangun, menyelaras, mengurus dan mempromosi negeri Johor secara keseluruhan bagi menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang bernilai tinggi dan bertaraf antarabangsa.**

Selain daripada visi dan misi; statistik kemasukkan pelancong ke negeri Johor juga memainkan peranan yang penting. Ini kerana statistik yang akan menentukan sama ada misi Tahun Melawat Johor 2020 berjaya atau tidak. Oleh yang demikian kerajaan negeri Johor melalui Tourism Johor telah menetapkan anggaran statistik bagi tahun 2019 dan 2020.

Untuk makluman, jumlah **pelancongan bermalam** pada tahun 2017 seramai 7.4juta. Tourism Johor menetapkan sasaran pada tahun 2018 seramai 7.7juta, tahun 2019 seramai 8.0juta dan pada **tahun 2020 seramai 8.4juta**. Semua sasaran tersebut berdasarkan peningkatan pelancong bermalam sebanyak 5% setiap tahun. Selain daripada pelancong bermalam Tourism Johor juga memberi fokus kepada pelawat yang berkunjung ke negeri Johor. Tourism Johor juga berusaha untuk meningkatkan jumlah **pelawat** ke negeri Johor sebanyak 5%. Untuk makluman pada tahun 2018 negeri Johor menerima pelawat seramai 15.8 juta. Tourism Johor menetapkan **sasaran pelawat** pada tahun 2019 seramai 16.6 juta dan **pada tahun 2020 seramai 17.4juta**.

Sasaran yang ditetapkan ini adalah disebabkan oleh sokongan dan kerjasama secara berterusan oleh semua pihak yang terlibat termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin terhadap perkembangan industri pelancongan. Saya berharap sokongan dan kerjasama ini dapat dipertingkatkan oleh semua pihak bagi menjadikan negeri Johor destinasi pelancongan bernilai tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 13 (A62)

Apakah perancangan serta pelan tindakan Kerajaan bagi menghasil dan mempromosikan produk-produk pelancongan yang menarik di Johor sempena Tahun Melawat Johor 2020

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor amat komited dalam mempromosikan dan memperhebatkan kempen Tahun Melawat Johor 2020 yang bakal menjelmakan negeri Johor sebagai Negeri pelancongan yang dinamik. Seperti yang sedia maklum, sektor industri pelancongan mempunyai potensi yang sangat besar, sedang dipacu untuk menjadi salah satu penjana utama ekonomi dan rakyat Negeri Johor selain menjadi penampan kepada tempias ekonomi dunia yang tidak menentu.

Selaras dengan kempen Tahun Melawat Johor 2020 yang sedang giat dijalankan dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia Negeri Johor, Tourism Malaysia Johor serta pemain-pemain industry sector pelancongan, berikut merupakan inisiatif serta pelan tindakan yang telah dirangka:-

1. Program "Road Show"(dengan izin) yang akan dilaksanakan di setiap Daerah Negeri Johor, "Road Show"(dengan izin) di negeri Penang, Sabah, Sarawak, Melaka dan sekitar Lembah Klang serta Negara-negara ASEAN terpilih.
2. Memperkasakan aspek "Software" (dengan izin) merangkumi hebahan promosi dan publisiti melalui media-media terutamanya di medium media social bagi mewujudkan "Awareness" (dengan izin) terhadap Tahun Melawat Johor 2020.
3. Kempen Tahun Melawat Johor 2020 merangkumi aspek "Hardware" (dengan izin) iaitu Menambahbaik dan memperkasakan aspek-aspek berkaitan pembangunan produk, infrastruktur, kemudahan sokongan pelancongan dan pengurusan destinasi.
4. Penganjuran Festival, Acara dan Ekspo yang bertaraf nasional dan antarabangsa sebagai contoh SUKMA 2020, Kejohanan "E-Sports", Festival Layang-Layang Sedunia Kali Ke-25, Festival Perarakan Chingay dan sebagainya.
5. Mengatur siri Lawatan Fam-trip yang merangkumi media-media (antarabangsa/Nasional), Bloggers-Bloggers (antarabangsa/Nasional) dan Agensi-agensi Pelancongan (antarabangsa/Nasional).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

6. Memperhebatkan pengiklanan melalui media elektronik dan media massa di lokasi-lokasi strategic seperti “Billboard” (dengan izin), LED skrin, Televisyen, radio dan sebagainya. Selain itu, penyediaan aplikasi telefon pintar iaitu “Destinasi Johor” bagi merencanakan kempen publisiti sempena Tahun Melawat Johor 2020.

Inisiatif-inisiatif ini akan menjadi penanda aras bagi memperkasakan dan memacu industry pelancongan negeri Johor secara menyeluruh dan dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi persediaan fizikal prasarana dan rangka promosi kelak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 14 (A132)**

Apakah persiapan kerajaan untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Seperti yang telah diumumkan pada sesi pembentangan Belanjawan Johor 2019 pada tahun yang lalu, 2020 akan menjadi Tahun Melawat Johor.

Dalam menyahut seruan ini, Tourism Johor sedang merangka dan mengenal pasti 20 acara 20 destinasi, simbolik kepada tahun 2020. Lantaran itu, sesi pengemaskinian produk pelancongan telah dilaksanakan dan akan sentiasa ditambah baik selaras dengan pertambahan produk pelancongan di seluruh negeri. Tambahan pula, proses mengenal pasti acara yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan juga sedang berlangsung dan acara ini akan di angkat sebagai acara yang diperakui oleh kerajaan negeri.

Bagi menjayakan kempen Tahun Melawat Johor 2020, beberapa inisiatif promosi juga telah dikenalpasti seperti program jelajah jerayawara, selain pengiklanan yang akan ditambah baik dan ditambahkan di sekitar Negeri Johor dan seluruh negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 15 (A173)**

Apakah rancangan pengiklanan dan kaedah yang akan diguna pakai oleh pihak kerajaan dalam mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020? Di samping itu, sila nyatakan juga usaha kerajaan negeri dalam menyempurnakan kempen Tahun Melawat Johor 2020.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Negeri Johor sememangnya amat berbangga kerana dianugerahkan destinasi dan ikonik pelancongan berstatus Dunia 'World Class Destination' yang dapat menarik kunjungan para pelancong antarabangsa/ domestik dalam kesediaan sebagai Tuan Rumah untuk bersempena Tahun Melawat Johor 2020.

Kepelbagaian produk pelancongan di Negeri Johor, bermula dari Taman Tema berstatus Dunia, Pusat Peranginan Golf, keindahan kepulauan & Pesisiran pantai, Agro & Eko pelancongan yang unik dan tersendiri, Homestay & Warisan Budaya & Makanan yang menarik, Kemudahan Sukan, Universiti dan Hospital Pakar bertaraf Dunia dan Pusat membeli-belah yang dijangka akan pihlan pendekatan serta strategi utama pengiklanan Tourism Johor bagi memberi impak promosi hebat menyuntik keinginan kunjungan para pelancongan ke Negeri Johor pada tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor akan melaksanakan perancangan strategi pengiklanan dengan memberi penumpuan pasaran utama iaitu **Short Haul Market (Singapore, Indonesia, Thailand, Burma) Medium Haul Market (China, India dan Japan) dan Long Haul Market (Eropah, Germany) France dan Australia.**

Pendekatan pengiklanan Tourism Johor akan bersifat '**Integrated Communication Strategies**' dengan elemen kempen perhubungan awam, penerbitan khas selain menggabungkan konsep '**global thematic, 'specific focusing on tactical message'**' dan pemasaran digital bagi memikat impian para pelancong ke Negeri Johor dengan tawaran keunikan kepelbagaian produk pelancongan yang memenuhi selera pelancong antarabangsa / tempatan.

Tourism Johor akan memberi tumpuan sepenuhnya pengiklanan di pintu-pintu masuk utama Negara terutama KLIA Antarabangsa 1 & 2 di Kuala Lumpur, yang menjadi tumpuan utama kemasukan 25 juta pelancong antarabangsa Negara pada tahun 2020, selain mengukuhkan pengiklanan secara konsisten di 'Bus Wrap', promosi pengiklanan seluruh menyeluruh melalui rangkaian Stesen-Stesen TV/Radio Nasional dan majalah-majalah pelancongan antarabangsa mengenai Johor sebagai destinasi pelancongan ideal sepanjang tahun 2020. Usaha pengukuhkan kempen pengiklanan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

secara berterusan ini dijangka akan meningkatkan '**depth in the tourist experience**' akan ikonik ikonik pelancongan Johor.

Dalam usaha melengkapkan dan menyempurnakan kempen Tahun Melawat Johor 2020, Tourism Johor amat komited melaksanakan perancangan program khusus untuk mengadakan program 'Road Show ' melibatkan 10 Daerah utama seluruh Negeri dan misi jualan bersiri di peringkat antarabangsa dan domestik sepanjang mengiatkan 20 pakej pelancongan utama ke Johor dan 20 acara antarabangsa , selain secara berterusan mengelolakan Seminar, Business Matching , product presentation, FAM Trip dan Social Media Campaign dari masa ke semasa sepanjang tahun 2019/2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 16 (A137)

Hampir 90 peratus hutan simpan yang dilesenkan telah gondol di mana pokok-pokok yang tidak ditag ditebang. Apakah tindakan jabatan perhutanan?

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 17 (A138)

Dalam masa 2 tahun ini berapakah jumlah tangkapan dan tindakan yang dikenakan kepada pelesen yang melakukan kesalahan hutan seperti cukai tebang, tebang di dalam kawasan zon dan tebang kayu yang tidak bertag?

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 18 (A135)

Berapakah jumlah hektar hutan simpan yang dilesenkan pada tahun lepas?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

1. Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menjawab tiga soalan yang dibangkitkan oleh YB Senggarang mengenai isu pembalakan haram secara bersekali.
2. Untuk makluman semua, sehingga tahun 2019, keluasan Hutan Simpanan Kekal di negeri Johor adalah seluas 332,749.24 hektar, iaitu lebih kurang 17.5% daripada keluasan tanah di negeri Johor.
3. Terdapat dua fungsi hutan yang utama Hutan Simpanan Kekal, iaitu Hutan Pengeluaran Kayu dan Hutan Perlindungan Tanah.
4. Hutan Pengeluaran Kayu adalah merupakan hutan yang produktif dan berekonomik untuk menghasilkan kayu-kayan atau kawasan hutan yang berpotensi untuk dipulihkan semula bagi menghasilkan kayu-kayan secara berkekalan.
5. Manakala, Hutan Perlindungan Tanah lazimnya, terletak di kawasan curam dan agak sensitif terhadap perubahan persekitaran. Aktiviti pengeluaran kayu-kayan di kawasan ini tidak dibenarkan kerana ia boleh mengakibatkan berlakunya hakisan tanah, banjir kilat, tanah runtuh, pemendapan tanah/ lumpur, kehilangan kesuburan tanah dan kerosakan kepada alam sekitar.
6. Dalam penentuan kawasan dan kuota untuk tujuan pengusahahasilan, ianya diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Tawaran Membalak (LTM) Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

7. Tawaran Pengusahahasilan hutan akan diberikan kepada pemegang lesen mengikut keluasan kawasan tertentu.
8. Manakala, penentuan bagi pemilihan kawasan usahasil adalah tertakluk kepada keputusan Pengarah Perhutanan Negeri Johor berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan selepas mendapat ulasan daripada Pegawai Hutan Daerah.
9. Dalam tempoh 2015 hingga 2019, seluas 2,572 hektar Hutan Simpanan Kekal telah diluluskan untuk menjalankan aktiviti pembalakan.
10. Perincian kelulusan Lembaga Tawaran Membalak pada tahun lepas, iaitu tahun 2018 adalah melibatkan 257 hektar keluasan kelulusan kawasan yang merupakan kawasan gantian meter padu sahaja dan pelaksanaan moratorium pembalakan mulai tahun 2015.
11. Untuk makluman dewan yang mulia, dakwaan hampir 90 peratus hutan simpan yang dilesenkan telah digondolkan tidak ditag telah ditebang adalah tidak benar.
12. Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang dibenarkan di negeri Johor adalah sebanyak 2,940 hektar dan 2,121 hektar setahun bagi Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Status pengusahahasilan di negeri Johor pada tahun 2018 hanya melibatkan 1,180.40 hektar keluasan kawasan pembalakan.
13. Untuk rekod, dalam tempoh RMK-11 pembukaan kawasan bagi tujuan pembalakan tahunan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor hanya menggunakan 60%-70% daripada Catuan Tebangan Tahunan yang telah ditetapkan.
14. Ini jelas menunjukkan bahawa pembalakan di negeri Johor adalah terkawal dan pembukaan kawasan hutan bagi tujuan pembalakan juga adalah minima daripada yang dibenarkan dan ia secara memilih bukan ditebang habis.
15. Bagi tangkapan serta tindakan yang dikenakan sepanjang tempoh 2 tahun ini, iaitu tahun 2017 hingga 2019, sebanyak 27 kes kesalahan hutan telah direkodkan bersabit dengan pelbagai kesalahan hutan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen tertentu mengikut Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 (Akta 313) dan Kaedah-kaedah Hutan (Pindaan) 1998.
16. Manakala, sebanyak sembilan kes yang masih dalam siasatan dan yang lainnya telah dijatuhkan hukuman. Kebanyakan kes-kes berkenaan melibatkan seksyen 68, 32, 47, 84 dan 100 Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

17. Kesalahan hutan berlaku apabila telah terbukti berlakunya pelanggaran Akta dan Kaedah-kaedah Hutan yang masih berkuat kuasa.
18. Bagi kesalahan dalam kawasan yang dilesenkan di mana berlaku tebangan pokok tanpa tag dan melakukan tebangan di dalam kawasan zon yang tidak dibenarkan di buat pembalakan seperti mana soalan di atas adalah tertakluk di bawah seksyen 81, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 (Akta 313).
19. Pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.
20. Dalam tempoh dua (2) tahun ini, tiada kes dikesan atau direkodkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 19 (A179)

Lawatan tapak bersepadu oleh pelbagai agensi kerajaan pada 9 April ke Projek Pertanian Moden mendapati banyak kawasan simpanan JPS di sekeliling Empangan Sembrong telah di ceroboh dengan penanaman secara haram, apakah tindakan penguatkuasaan dan pemulihan JPS di kawasan simpanan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Terdapat empat (4) buah empangan bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam Negeri Johor iaitu Empangan Sembrong, Empangan Bekok, Empangan Machap dan Empangan Labong. Dari empat empangan ini, hanya satu empangan yang telah dirizabkan iaitu Empangan Machap, manakala tiga(3) lagi empangan sedang dalam proses permohonan perizaban oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) kepada Kerajaan Johor.

Kelewatan permohonan perizaban disebabkan oleh pelbagai perkara, antaranya adalah keperluan peruntukan yang agak besar bagi menyediakan pelan ukur sempadan dan butiran lain dengan lengkap bagi keseluruhan kawasan empangan oleh Jurukur Berlesen.

Bagi Empangan Sembrong, pihak JPS/KATS melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah memohon perizaban kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD) Batu Pahat pada 31 Julai 2017. Setelah dihantar, terdapat beberapa tambahan maklumat yang dikehendaki oleh PTD dan maklumat terkini yang telah dimajukan oleh JPS ialah pada Julai 2018 lalu. Difahamkan PTD kini sedang mengambil tindakan mengikut prosidur tertentu, termasuk perlu disemak dan mendapat ulasan dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Selain itu, sebahagian kecil kawasan yang dipohon untuk perizaban empangan iaitu seluas 15.18Hektar juga dipohon untuk perizaban milikan tanah bagi tapak Loji Rawatan Air (LRA) Sembrong Barat bagi projek bekalan air oleh PAAB ke Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat pada 25 April 2017.

Isu pertindihan permohonan ini dijangka akan melewati proses permohonan perizaban. Sehubungan itu, memandangkan kawasan empangan masih lagi berstatus tanah kerajaan dan belum lagi sebagai Rizab Empangan, maka tindakan menghalang pencerobohan masih sukar diambil dengan berkesan dan berpandukan perundangan.

Sehingga kini, JPS memohon bantuan dan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Johor dan PTD Batu Pahat untuk membantu bagi mengambil tindakan kepada penceroboh.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 20 (A5)

Status terkini persiapan fasiliti sukan menghadapi SUKMA dan jumlah acara yang akan dipertandingkan dalam SUKMA 2020.

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 21 (A176)

Bagaimanakah tahap persiapan kerajaan negeri dalam penganjuran temasya sukma 2020, dari segi Prasarana, fasiliti, promosi dan juga persediaan atlet negeri?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan A5 dan A176 memandangkan ianya saling berkaitan.

Kerajaan Negeri telah mengatur gerak persediaan menghadapi SUKMA 2020 dengan menubuhkan Jawatankuasa Induk SUKMA Johor 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor dan dianggotai 26 Jawatankuasa yang berfungsi secara menyeluruh sebagai penganjur meliputi semua aspek khususnya penyediaan venue, penginapan, pengangkutan dan lain-lain. Semua Jawatankuasa ini dinaungi oleh semua Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri mengikut portfolio masing-masing.

Sebanyak 8 kemudahan sukan bina baharu dan 3 dinaiktaraf sebagaimana berikut :

BIL	SUKAN	VENUE	BIL ATLET & PEGAWAI
SUKAN WAJIB			
1.	OLAHRAGA	STADIUM OLAHRAGA, SPORTS CITY MOUNT AUSTIN	1,246
2.	AKUATIK	PUSAT AKUATIK MBB, ARENA LARKIN	420
3.	GIMNASTIK/ GIMRAMA	STADIUM PERBANDARAN PASIR GUDANG	336
4.	BERBASIKAL	TREK - VELODROM JOHOR, MEDINI	448
		LEBUHRAYA – SEKITAR JOHOR BAHRU & KOTA TINGGI	
		MTB – SIREH PARK, ISKANDAR PUTERI	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

		BMX – YOUTH HUB, ISKANDAR PUTERI	
5.	HOKI	STADIUM HOKI, TAMAN DAYA	588
6.	BOLA SEPAK	STADIUM EDUCITY	350
		STADIUM UTM	
		MINI STADIUM MPK _u	
		MINI STADIUM TUTA @ DATARAN BOLASEPAK MBIP	
7.	TENPIN BOLING	DAIMAN BOWL, TAMAN JOHOR JAYA	182
8.	LAWN BOWL	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	238
9.	MEMANAH	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	294
10.	MENEMBAK	PUSAT MENEMBAK, SPORTS CITY MOUNT AUSTIN	574
11.	BADMINTON	STADIUM TERTUTUP, ARENA LARKIN	266
12.	PELAYARAN	PUSAT PELAYARAN JOHOR, DESARU (KRMSAU)	336
13.	SKUASY	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	154
14.	WUSHU	DEWAN SERBAGUNA, TAMAN JOHOR JAYA	308
15.	KARATE	KOLEJ UNIVERSITI SELATAN, TAMAN IMPIAN EMAS	308
16.	PENCAK SILAT	DEWAN MUAFAKAT, TAMAN BUKIT INDAH	504
SUKAN PILIHAN			
1.	KANU	TASIK REKREASI, EDUHUB PAGOH	1,120
2.	TINJU	DEWAN MUAFAKAT TAMAN ADDA, JOHOR BAHRU	182
3.	RAGBI	STADIUM RAGBI, SPORTS CITY MPUNT AUSTIN	448
4.	PETANQUE	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	238
5.	JUDO	DEWAN SULTAN ISKANDAR, UTM	336

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

6.	BOLA JARING	INDOOR ARENA EDUCITY	210
7.	BOLA KERANJANG	DEWAN BOLA KERANJANG JB, ARENA LARKIN	420
8.	BOLA TAMPAR	SPORTS HALL 1, UTM	560
9.	MUAY THAI	CAPITAL CITY MALL, TAMPOI	322
10.	SEPAK TAKRAW	DEWAN KOMPLEKS BUKIT MUTIARA JLAND	322
11.	GOLF	ORCHARD GOLF & COUNTRY RESORT, KOTA TINGGI	140
12.	KRIKET	PADANG KRIKET, TAMAN MUTIARA RINI	238
13.	TENIS	AKADEMI TENIS, TAMAN NUSA DUTA	126
14.	E-SPORTS	DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM, MUAR	280
JUMLAH KESELURUHAN			11,494

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Teknikal SUKMA 2020 Bil 1 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM) dan dianggotai oleh semua Persatuan Kebangsaan serta semua Pengarah Majlis Sukan Negeri telah bersidang pada 3 Mei 2019 yang lepas telah memutuskan sebanyak 30 jenis sukan yang melibatkan lebih kurang 414 acara akan dipertandingkan pada temasya SUKMA 2020.

Berikut adalah senarai jenis sukan yang akan dipertandingkan :

BIL	SUKAN/ACARA	PINGAT YANG DITAWARKAN			JUMLAH PINGAT DITAWARKAN
		LELAKI	WANITA	CAMPURAN	
1	OLAHRAGA	23	22	0	45
2	AKUATIK	24	24	0	48
3	GIMNASTIK	8	11	0	19
4	BERBASIKAL	15	14	0	29
5	HOKI	1	1	0	2
6	BOLA SEPAK	1	0	0	1
7	TENPIN BOWLING	4	4	1	9

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

8	LAWN BOWLS	4	4	0	8
9	MEMANAH	6	6	2	14
10	MENEMBAK	14	10	2	26
11	BADMINTON	3	3	1	7
12	PELAYARAN	6	5	1	12
13	SKUASY	2	2	0	4
14	WUSHU	15	10	0	25
15	KARATE	8	8	0	16
16	PENCAK SILAT	15	11	0	26
17	KANU	16	16	3	35
18	TINJU	9	0	0	9
19	RAGBI	1	1	0	2
20	PETANQUE	5	5	1	11
21	JUDO	10	10	0	20
22	BOLA JARING	0	1	0	1
23	BOLA KERANJANG	2	2	0	4
24	BOLA TAMPAR	2	2	0	4
25	MUAY THAI	10	6	0	16
26	SEPAK TAKRAW	3	2	0	5
27	GOLF	2	2	0	4
28	KRIKET	1	0	0	1
29	TENIS	2	2	0	4
30	E-SPORTS	0	0	7	7
JUMLAH		212	184	18	414

Dari segi promosi, pihak SEKRETARIAT akan bekerjasama dengan pihak Tourism Johor yang akan menjayakan Visit Johor 2020 (VJ2020). Kerjasama sebagai rakan strategik dalam VJ2020 akan memudahkan lagi hebahan dan penyebaran maklumat berkenaan SUKMA 2020. Promosi juga akan digiatkan melalui media sosial, media elektronik, media cetak dan lain.

Selain itu, Jawatankuasa Promosi, Publisiti, Seranta dan Siaraya yang dipengerusikan oleh Pengarah Penerangan Negeri Johor akan menggerakkan agenda promosi melalui medium kerajaan bagi melakukan hebahan secara terus kepada rakyat. Pelbagai program telah diatur agar kemeriahan temasya dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di Johor khususnya dan seluruh negara amnya.

Dari segi persiapan atlet, pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah diberi tanggungjawab dalam memastikan pencapaian kontinjen Negeri Johor menjadi Juara Keseluruhan temasya tersebut. Sejak Jun 2017, pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah mewujudkan satu program menuju SUKMA Johor 2020 yang diberi nama

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

Titanium2020 (Ti20) yang mana program ini memberi tumpuan kepada sukan berpotensi menghadihkan pungenan pingat yang banyak kepada kontinjen SUKMA Johor.

Program ini merangkumi 6 Sukan Wajib (Olahraga, Renang, Memanah, Menembak, Berbasikal, Tenpin Bowling) dan 4 Sukan Pilihan (Judo, Angkat Berat, Kanu & Petanque) yang mana pemilihan sukan ini berdasarkan beberapa perkara iaitu sukan yang menawarkan pingat yang banyak di temasya SUKMA, Sukan subjektif yang tidak dipengaruhi oleh keputusan pengadil serta juri dan sukan yang menunjukkan peningkatan diperingkat pembangunan.

Atlet dibawah Program Titanium2020 ini diberikan tumpuan latihan khusus dan berpusat dibawah pemantauan jurulatih pakar yang disediakan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Johor. Atlet akan menjalani latihan sepenuh masa dan prestasi mereka sentiasa dipantau dan dijalankan ujian umum dan spesifik mengikut sukan masing-masing setiap 3 bulan oleh pegawai sains sukan. Dibawah program ini juga atlet dan jurulatih diberikan peluang bagi menyertai pertandingan pendedahan dalam dan luar negara untuk melihat pencapaian terkini para atlet.

Program ini akan diteruskan setelah tamat SUKMA Perak 2018 ini bagi memastikan kelangsungan latihan dan prestasi atlet berada didalam keadaan yang terbaik menuju SUKMA Johor 2020. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor turut menjalinkan kerjasama yang baik dengan Majlis Sukan Sekolah Johor dalam mendapatkan bakat-bakat atlet di peringkat sekolah. Bantuan jurulatih pakar daripada Majlis Sukan Negeri Johor kepada jurulatih diperingkat sekolah juga diberikan bagi memastikan kesinambungan latihan dan kebolehan atlet sebelum diserapkan didalam Program Titanium2020.

Program Titanium2020 ini akan diperkembangkan kepada sukan-sukan yang dilihat berpotensi dalam menyumbangkan pingat kepada Kontinjen Johor bagi menghadapi SUKMA Johor 2020. Oleh yang demikian, pihak Majlis Sukan Negeri Johor sedang dalam proses menambahbaik program ini untuk memastikan pembangunan sukan di negeri Johor ini akan mencapai matlamat bukan sahaja pada tahun 2020 tetapi tahun berikutnya demi memastikan negeri Johor menjadi salah satu kuasa besar sukan di negara ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 22 (A13)

Minta penjelasan kerajaan mengenai peraturan, garis panduan program dan aktiviti yang dijalankan di masjid dan surau di Negeri Johor yang melibatkan kerajaan negeri, agensi, jabatan kerajaan, wakil rakyat, parti dan ahli politik. Nyatakan secara terperinci peraturan dan garis panduan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jabatan Agama Islam Johor telah mengeluarkan surat pekeliling bertarikh 7 Mei 2019 berkaitan larangan berceramah oleh ahli politik di dalam masjid dan surau di Negeri Johor sebagaimana pekeliling bertajuk "Edaran Pekeliling Larangan Berceramah Terhadap Ahli Politik Di Masjid Dan Surau Dalam Negeri Johor Kepada Semua Ahli Politik Dan Pengerusi Serta Ahli Jawatankuasa Masjid Dan Surau."

Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mesyuaratnya kali ke 220 bertarikh 21 Mac 2019 telah memutuskan bahawa ahli politik yang diberi kebenaran memberikan ucapan di masjid dan surau dalam negeri Johor hanya terhad kepada YAB Menteri Besar dan YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan juga terhad kepada ucapan perasmian program rasmi sahaja.

Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mesyuaratnya kali ke 219 bertarikh 30 Januari 2019 telah memutuskan bahawa kawasan berikut sebagai kawasan larangan untuk ceramah politik dan apa-apa tajuk yang tiada kaitan dengan Agama Islam tanpa kebenaran bertulis dari Majlis Agama Islam Negeri Johor iaitu :

- 1) Masjid dan Surau Dalam Negeri Johor;
- 2) Sekolah-sekolah Agama dan Madrasah Dalam Negeri Johor;
- 3) Mana-mana Tanah Waqaf Dalam Negeri Johor; dan
- 4) Mana-mana kawasan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor.

Pada 23 Mei 2019 telah Jabatan Agama Islam Negeri Johor mengeluarkan Arahan Tetap Pengarah yang melarang mana-mana ahli parti politik untuk melibatkan apa-apa program atau aktiviti di dalam masjid dan surau di negeri ini.

Sehingga kini, beberapa individu telah diarah hadir ke Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan telah diberi nasihat dan amaran terhadap pelanggaran arahan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 23 (A6)**

Adakah pihak JKR telah mengenal pasti jalan-jalan yang ingin dinaiktarafkan bagi mengelakkan jalan terputus ketika musim banjir?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Pihak JKR telah mengenalpasti 7 lokasi jalan yang perlu dinaik taraf bagi mengelakkan jalan tersebut terputus ketika musim banjir. Jalan-jalan yang terlibat tersebut telah pun disenaraikan didalam perancangan supaya kerja-kerja menaikaras jalan dapat dilaksanakan. Lokasi tersebut sebagaimana berikut;

- 1) Membina Jalan Mukim 6, Linau dan Mukim 7, Tg. Sembrong, Batu Pahat. (Fasa 2)
- 2) Projek menaiktaraf Jambatan Kota Tinggi 'By Pass' di laluan FT003, Kota Tinggi, Johor.
- 3) Pembinaan shape konkrit dari Sg. Batu Pahat ke Pekan Semerah, Batu Pahat di kawasan Pt. Sulong, Batu Pahat.
- 4) Merekabentuk dan membina jambatan baru bagi mengganti pembentung kekotak sedia ada di Sg. Suloh, Batu Pahat.
- 5) Cadangan menggantikan Triple Box Culvert kepada Arch Culvert di Jalan Sg. Buloh (J124 Sg. Ayam, Batu Pahat, Johor.
- 6) Cadangan mengganti pembentong kekotak di Jalan Batu Pahat- Mersing (FT050) Seksyen 56.00 Daerah Kluang.
- 7) Cadangan menaik paras jalan dan mengganti dua jambatan sedia ada di Sungai Labis dan Sungai Tui, Muar, Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 24 (A145)

Minta penjelasan berkenaan punca masalah pencemaran Sungai Johor yang melibatkan sebahagian Kota Tinggi, Kulai dan Johor Bahru pada April 2019; serta tindakan pencegahan dan pemulihan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang terhadap semua perkara yang terkesan.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Hasil siasatan **Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JASNJ)** mendapati masalah pencemaran Sungai Johor yang melibatkan sebahagian Kota Tinggi, Kulai dan Johor Bahru yang berlaku pada April 2019 adalah berpunca daripada pelepasan dari kolam takungan air (storm pond) yang mengumpul air daripada proses membuat baja kompos tandan kosong kelapa sawit akibat benteng (bund) kolam yang pecah di Kilang Kelapa Sawit Sedenak, Kulai.

Faktor hujan yang lebat pada sebelah petang 2 April 2019 dan awal pagi 3 April 2019 telah menyebabkan kolam tersebut cepat penuh dan menjejaskan struktur benteng kolam takungan (storm pond) berkenaan. Kejadian disedari berlaku oleh pihak kilang pada jam lebih kurang 7.30 pagi pada 3 April 2019.

Susulan kejadian tersebut, Notis Arahan telah dikeluarkan oleh JASNJ kepada Kilang Kelapa Sawit Sedenak untuk menjalankan pembaikan segera benteng kolam yang runtuh dan kilang dikehendaki untuk memberhentikan operasi sementara waktu sehingga langkah-langkah pembaikan dan kawalan diambil.

Antara tindakan serta-merta yang dilaksanakan oleh pihak Kilang Kelapa Sawit Sedenak selepas menyedari kejadian tersebut ialah:

- i. Menutup kawasan runtuh bagi mengelakkan limpahan efluen daripada terus mengalir ke sungai;
- ii. Membaiki semula keseluruhan benteng kolam takungan (storm pond) yang terlibat dengan keluasan yang lebih besar daripada 3 meter kepada 6 meter lebar sepanjang tebing kolam dengan jarak lebih kurang 220 meter;
- iii. Membersihkan kesan pencemaran di alur-alur air berhampiran dan pemantauan bagi bacaan ammonia dibuat di beberapa kawasan sehingga ke anak Sungai Sayong; dan
- iv. Meningkatkan kadar pemantauan terhadap benteng kolam takungan setiap 2 jam bagi mengenalpasti sebarang kegagalan struktur dan kerosakan dapat dibaiki segera.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kilang bagi jangka masa panjang untuk mengelakkan kejadian seumpamanya daripada berulang adalah:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

- i. Memberhentikan aktiviti di Composting Plant dan kesemua *shredder Empty Fruit Brunch* (EFB) dan bahan kompos yang masih ada dipindahkan ke tapak operasi Ladang Sedenak untuk proses 'mulching';
- ii. Menaiktaraf sistem pemprosesan biocompost dengan menggunakan kaedah 'closing system' berbanding 'open system' yang dipraktikkan sebelum ini iaitu kesemua aktiviti pemprosesan biocompost akan dijalankan di kawasan berbumbung yang dilengkapi dengan sistem perparitan sistematik bagi mengurangkan kesan limpahan efluen; dan
- iii. Menambah kelebaran benteng kolam sehingga 10 meter lebar.

Manakala, Pihak **Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ)** pula telah mengambil tindakan dengan mengarahkan premaster sebut membaiki serta mengukuhkan tebing kolam *effluent* yang runtuh tersebut dengan segera serta membatalkan lesen abstraksi air yang telah dikeluarkan kepada Kilang Sawit tersebut. Pembatalan lesen tersebut menyebabkan pihak kilang tidak dapat beroperasi selama sebulan sehingga lesen abstraksi air tersebut diberikan semula setelah semua tindakan pembaikan dan pencegahan dilaksanakan.

Bagi tindakan jangka masa panjang, pihak BAKAJ telah mengadakan mesyuarat bersama premis-premis berisiko di dalam Lembangan Sungai Johor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Pelaburan dan Utiliti, dimana mesyuarat mengambil keputusan bahawa mana-mana premis yang mencemarkan Sungai Johor akan dibatalkan Lesen Abstraksi Air dan tidak dibenarkan untuk mengabstrak mana-mana sumber air mentah.

Selain itu, pihak BAKAJ juga akan sentiasa memantau serta mengadakan penguatkuasaan ke atas premis-premis berisiko tersebut secara berkala. Sekiranya kes pencemaran disebabkan oleh premis yang sama berulang kali, tindakan yang lebih drastic akan diambil seperti penutupan premis terbabit. Perkara ini telah dilakukan terhadap beberapa premis yang mengakibatkan pencemaran seperti Kilang Pirolisis Tayar di Kulai dan Gembut, Kota Tinggi, Ladang Ternakan Khinzir di Sembrong, Kluang serta Ladang Ternakan Ayam di Kulai. Walau bagaimana pun, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mempertingkatkan penguatkuasaan yang akan dilakukan secara berkala serta sentiasa menambah baik undang-undang sedia ada sekiranya terdapat kelemahan.

Sementara itu, pihak **Pejabat Tanah dan Galian (PTG)** pula telah bertindak memberhentikan kesemua aktiviti berkenaan dan tindakan penalti dikenakan ke atas pemilik tanah dibawah Seksyen 127 KTN (Langgar Syarat) yang melibatkan ubahsyarat pertanian kepada aktiviti ternakan ayam disekitar Lembangan Sungai Johor turut ditolak kerana dikhuatiri pemohon gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya kes pencemaran disebabkan oleh pemohon / pengusaha yang sama berulang kali tindakan yang lebih drastik akan diambil di bawah Seksyen 425 KTN.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 25 (A77)

Berapakah bilangan pelajar kaum India di kawasan senai dan berapakah bilangan pelajar kaum India yang belajar di luar kawasan Senai.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Bilangan murid kaum India di DUN Senai adalah seramai 1065 orang; 559 orang murid sekolah rendah dan 506 orang murid di sekolah menengah.

Daripada jumlah ini seramai 784 orang murid (73.6%) bersekolah di sekolah-sekolah di dalam DUN Senai berbanding 281 orang di kawasan luar Senai.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)

SOALAN 26 (A33)

Bagaimana mekanisme yang dilaksanakan oleh GLC-GLC yang dipertanggungjawabkan dalam usaha mencari dana bagi pembiayaan penganjuran SUKMA 2020 agar tidak merugikan kerajaan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Temasya SUKMA XX akan berlangsung di Negeri Johor sekitar bulan Julai – Ogos tahun 2020 dan melibatkan beberapa buah daerah iaitu Johor Bahru, Muar dan Kota Tinggi.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Johor melalui syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan (GLC) iaitu Perbadanan Johor (JCorp) dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) telah diamanahkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan infrastruktur untuk SUKMA, yang mana **JCorp sedang giat membangunkan Projek Arena Larkin yang merangkumi infrastruktur sukan Stadium Tertutup, Stadium Akuatik dan kemudahan awam** di kawasan berkenaan.

Manakala **KPRJ telah diamanahkan untuk membangunkan Kompleks Sukan Johor yang merangkumi Stadium Atletik, Lapang Sasar dan Stadium Ragbi; Velodrom dan Arena Bola Sepak di Iskandar Puteri serta Arena Emas bagi sukan Skuasy, Pentanque, Lawn Bawl dan Memanah.**

Kos pembangunan bagi pembinaan infrastruktur sukan SUKMA tersebut telah dipersetujui bersama antara kerajaan negeri dan GLC yang terlibat akan dibiayai melalui kaedah suntikan tanah kerajaan dan tanah-tanah GLC, bayaran ansuran tahunan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan kepada GLC yang terlibat serta peruntukan daripada kerajaan pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI HAJI ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 27 (A28)**

Baru-baru ini pelantikan Pengerusi Masjid dan Surau telah pun dilantik. Apakah pelantikan jawatan tersebut mengikut kebolehan, pengalaman atau fahaman politik?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mesyuaratnya kali ke 216 pada 7 Ogos 2018 telah menjunjung titah DYAM Tunku Mahkota Johor sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Johor dan mengambil keputusan Jawatankuasa masjid dan surau sedia ada dikekalkan sehingga tamat perkhidmatan pada 31 Disember 2019.

Pelantikan AJK Masjid Dan Surau Negeri Johor bagi sesi 2020-2022 akan bermula dari bulan Julai hingga 31 Disember 2019 berpandukan kepada peruntukan dalam Peraturan Jawatankuasa Masjid Dan Surau Negeri Johor 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)

SOALAN 28 (A46)

Apakah langkah penambahbaikan Kerajaan Negeri Johor dari segi penggubalan dasar, pelaksanaan, penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan pencemaran sungai serta udara lebih terkawal?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Pihak BAKAJ sedang dalam proses menyediakan Peraturan-Peraturan Terhadap Larangan Mencemarkan Sungai di bawah Seksyen 7A, Enakmen Air 1921 berikutan masih terdapat kelemahan yang perlu diatasi serta diperincikan terlebih dahulu. Peraturan dan kaedah tersebut perlu menyatakan had pelepasan *effluent* yang dibenarkan ke dalam sungai yang mana ianya perlu dikaji dengan lebih terperinci dengan menggunakan modul Total Maximum Daily Load (TMDL) yang masih baru diguna pakai di Malaysia. BAKAJ akan menjadikan Kajian TMDL sebagai panduan kepada penetapan had pelepasan *effluent* tersebut.

Pihak BAKAJ juga telah menambah bilangan Pembantu Penguatkuasa daripada dua (2) orang kepada lima (5) orang bagi melaksanakan pemantauan serta penguatkuasaan di dalam kawasan tadahan seluruh negeri Johor.

Walau bagaimana pun, pihak BAKAJ telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis amaran serta arahan pembaikan kepada premis yang menyebabkan pencemaran. Selain itu, bagi premis yang mempunyai lesen daripada BAKAJ dan tertakluk di bawah Enakmen Air 1921 seperti Lesen Abstraksi Air, pihak BAKAJ akan membatalkan lesen tersebut sekiranya premis tersebut ingkar arahan pembaikan yang dikeluarkan.

Sekiranya premis terbabit telah melakukan kesalahan berulang kali, maka BAKAJ akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk menutup premis terbabit bagi menjaga kepentingan sumber air negeri Johor.

Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis industri yang terdapat di Negeri Johor ini. Skop penguatkuasaan ini telah ditambahbaik dengan pengenalan konsep pematuhan sendiri di mana pihak industri itu sendiri bertanggungjawab untuk memastikan segala bentuk pelepasan sama ada pelepasan ke udara, pelepasan ke alurair dan pengurusan buangan terjadual hendaklah dipatuhi pada setiap masa.

Pematuhan sendiri ini mengkehendaki kilang-kilang untuk;

- (1) Melaporkan segala analisa makmal bagi pelepasan udara dan pelepasan effluent (air buangan) kepada Jabatan Alam Sekitar secara atas talian melalui

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

Sistem Pelaporan Alam Sekitar Atas talian (*On-line Environmental Reporting, OER*);

- (2) Menguruskan pelupusan buangan terjadual melalui Sistem Maklumat Buangan Terjadual Elektronik (e-SWIS). Sistem ini mampu mengesan pergerakan buangan terjadual daripada kilang pengeluar kepada kemudahan pelupusan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar; dan
- (3) Menetapkan keperluan untuk kilang-kilang mempunyai orang yang berwibawa (*competent person*) yang telah mendapat sijil daripada Jabatan Alam Sekitar untuk mengendalikan alata kawalan pencemaran di dalam premis tersebut.

Bagi melengkapkan aspek penguatkuasaan ini, Jabatan Alam Sekitar telah meningkatkan penguatkuasaan secara berkala ke atas kilang-kilang terutama sekali bagi kilang-kilang yang menjana pelepasan sama ada ke udara atau alurair bagi memastikan pematuhan pada setiap masa. Jabatan Alam Sekitar juga akan menjalankan siasatan penguatkuasaan ke atas aduan-aduan orang awam terhadap kilang-kilang yang mencemar dan menjejaskan kehidupan rakyat.

Dalam memastikan keberkesanan tindakan-tindakan penguatkuasaan ini, Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan pemantauan kualiti alam sekitar bagi udara sungai-sungai di Negeri Johor. Bagi pemantauan kualiti udara, terdapat lapan (8) buah stesen udara automatik dan tiga (3) buah stesen udara manual. Manakala, bagi pemantauan kualiti air sungai, terdapat 227 stesen sungai manual dan empat (4) stesen sungai automatik meliputi 21 lembangan sungai terdiri dari 102 batang sungai di Negeri Johor.

Melalui pelaksanaan pematuhan sendiri oleh pihak industri, penguatkuasaan dan siasatan penguatkuasaan serta pemantauan kualiti udara dan sungai oleh Jabatan Alam Sekitar, adalah diharapkan dapat memastikan aspek-aspek pencemaran alam sekitar ini dapat dikawal dan diminimumkan bagi memastikan kelestarian dan kesejahteraan rakyat Negeri Johor.

STESEN-STESEN PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR DI NEGERI JOHOR

- (1) Lokasi Stesen Kualiti Udara Automatik (8)
 - Ledang, Larkin, Pasir Gudang, Kota Tinggi, Segamat, Batu Pahat, Kluang dan Pengerang
- (2) Lokasi Stesen Kualiti Udara Manual (3)
 - Gelang Patah, Pasir Gudang dan Batu Pahat
- (3) Lokasi Stesen Kualiti Air Sungai Automatik (4)
- (4) Lokasi Stesen Kualiti Air Sungai Manual (227)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 29 (A128)

Apakah usaha Kerajaan Johor dalam menggalakkan pelaburan dan promosi penggunaan “renewable energy” di Johor?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Kerajaan negeri sedang mengkaji penggunaan panel solar untuk bangunannya sebagai sebahagian daripada inisiatif jangka panjang untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui kepada masyarakat.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri, YB Jimmy Puah Wee Tse akan menerajui projek ini dan sehingga kini, perbincangan bersama dengan beberapa syarikat solar bagi memasang sistem ini di beberapa bangunan kerajaan di Negeri Johor dan setelah dipasang di bangunan kerajaan, Kerajaan Negeri akan memperluaskan penggunaannya di semua pihak berkuasa tempatan dan seterusnya diikuti oleh sektor swasta.

Inisiatif ini bukanlah semata kerana wang dan keuntungan tetapi untuk mewujudkan kesedaran sosial kepada semua masyarakat tentang kepentingan ‘renewable energy’ di masa hadapan. Inisiatif yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri ini telah mendapat sokongan daripada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Puan Yeo Bee Yin.

Beberapa syarikat tempatan dan juga firma asing telah menunjuk minat untuk membekalkan panel solar tersebut dan ini menunjukkan bahawa industri baru ini boleh diterokai cabang-cabang yang ada bagi mengembangkan industri ‘renewable energy’ ini di Negeri Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 30 (A181)

Apakah langkah untuk mempermudah atau meringkaskan prosedur permohonan lesen pelbagai dan kebenaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Antara kemudahan yang telah diwujudkan dalam membuat permohonan lesen di PBT ialah penghantaran permohonan secara atas talian/ online melalui laman sesawang johor.e-khidmat.my. Jenis aktiviti perniagaan yang dibenarkan bagi menggunakan perkhidmatan ini adalah bagi kategori tidak berisiko tinggi. Aktiviti-aktiviti perniagaan yang termasuk dalam kategori tidak berisiko tinggi adalah sebagaimana berikut:

1. Pejabat urusan
2. Kedai runcit
3. Kedai jahit
4. Penjual barangan serbaneka/ keperluan harian
5. Penjual ubat tradisional
6. Kedai gambar
7. Menjual barang perhiasan
8. Tukang kasut
9. Perkhidmatan Fotostat
10. Telekomunikasi dan perkhidmatan

Untuk makluman, kelulusan permohonan lesen bagi kategori lesen tidak berisiko ini adalah kelulusan serta merta jika dihantar terus ke kaunter setempat. Bagi memastikan kelancaran permohonan lesen yang dibuat, pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan wajib dan lengkap kepada pihak PBT.

Selain itu, pemohon juga boleh mendapatkan salinan borang permohonan lesen melalui laman sesawang rasmi PBT sebelum menghantar permohonan beserta dokumen sokongan yang berkaitan ke kaunter setempat. Kemudahan ini diberikan agar pemohon dapat memperoleh borang permohonan serta senarai semak permohonan lesen dengan cepat tanpa perlu hadir terlebih dahulu di PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)

SOALAN 31 (A45)

Apakah usaha yang dilakukan Kerajaan Negeri Johor bagi memperkasa Sekolah Agama Johor khususnya berkaitan skim perkhidmatan dan penggajian yang lebih baik kepada guru-guru agama, khususnya guru kontrak serta memastikan nisbah guru murid yang lebih munasabah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Dalam usaha untuk memperkasakan skim perkhidmatan perguruan, Bahagian Pendidikan Islam, JAINJ telah merangka cadangan jangka panjang berhubung naiktaraf skim perkhidmatan perguruan selaras dengan 100 tahun Pendidikan Islam di negeri Johor. Antara usaha yang telah diambil di peringkat Bahagian Pendidikan Islam, JAINJ adalah seperti berikut:

1. Kertas Kerja Penstrukturan Semula Perjawatan iaitu di peringkat Ibupejabat, Pejabat Pendidikan Islam Daerah, Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ), Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ), Maahad Johor dan Maahad Tahfiz Negeri Johor (MTNJ). Kertas Kerja ini akan dibentangkan untuk mendapat kelulusan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Kertas Kerja ini bertujuan untuk memperkasakan lagi skim perkhidmatan Pendidikan Islam pada masa akan datang. Kertas Kerja Penstrukturan Semula tersebut, merangkumi cadangan seperti berikut:
 1. Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) terdapat permohonan pertambahan dan naik taraf perjawatan Guru Besar SAKJ iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38 sebanyak 15 perjawatan dan DG40 sebanyak 5 perjawatan, di mana jawatan ini akan diisi mengikut sekolah dan Daerah yang terpilih.
 2. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ), naik taraf jawatan Pengetua daripada DG48 kepada DG52, pertambahan jawatan Guru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 sebanyak 33 perjawatan.
 3. Maahad Johor naik taraf jawatan Pengetua daripada DG48 kepada DG52, pertambahan jawatan Guru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 sebanyak 13 perjawatan.
 4. Maahad Tahfiz Negeri Johor (MTNJ) permohonan pengwujudan jawatan baru seperti Pengetua termasuk Guru Agama sebanyak 11 perjawatan.
2. Selain itu, antara cadangan lain adalah dengan menaiktaraf jawatan yang dipohon kepada jawatan tetap bagi menggantikan guru-guru sedia ada yang dilantik secara PSH dan kontrak. Untuk makluman sidang Dewan juga pada tahun 2018 seramai 13 orang Guru lantikan secara Kontrak bagi Sekolah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ) dan Maahad Johor yang memenuhi syarat perlantikan telah pun dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) bagi mengisi kekosongan jawatan tetap di Bahagian Pendidikan Islam, JAINJ.

Bagi guru Agama DB17 (kontrak) yang mengajar di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) yang memenuhi syarat juga berpeluang untuk memohon jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 yang ditawarkan oleh Suruhanja Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ).

Berikut Jumlah Guru Agama Kerajaan Johor (Tetap) Dan (Kontrak) Dan Guru TAJ Sehingga 31 Mei 2019:

Kategori Guru	Jumlah
Guru (Tetap)	2,399
Guru (Kontrak)	51
Guru TAJ	316
Jumlah	2,766

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 32 (A44)

Apakah status mengambil alih pengurusan masjid, sekolah agama di semua kawasan Rancangan FELDA di Negeri Johor setelah pihak FELDA menyerahkan tapak masjid dan sekolah agama kepada Jabatan Agama Islam Negeri Johor beberapa tahun lepas?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Terdapat sejumlah 62 buah sekolah agama telah ditubuhkan dalam kawasan Felda seluruh negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 2 buah sekolah agama dibina melalui peruntukan kerajaan negeri iaitu Sekolah Agama Felda Tenggara 5, Mersing dan Sekolah Agama Felda Pasak, Kota Tinggi. Selebihnya adalah bangunan sekolah agama yang dibina atau dibangunkan oleh pihak pengurusan Felda sendiri atau oleh penduduk Felda tersebut.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, status tanah kesemua sekolah agama tersebut masih di bawah hak milik Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan hanya boleh memberikan bantuan penyelenggaraan dan baik pulih sahaja ke atas sekolah-sekolah tersebut. Pembinaan bangunan baharu tidak boleh dilakukan sehingga lah pihak pengurusan Felda bersetuju untuk mewakafkan tapak-tapak tanah tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

Data mengenai bangunan dan tapak sekolah agama dalam kawasan felda telah ada dalam makluman MAINJ untuk diambil tindakan selanjutnya. Namun untuk setakat ini pihak MAINJ masih dalam usaha untuk mendapatkan persetujuan rasmi kerajaan negeri bagi megemukakan permohonan pewakafan tapak-tapak tanah tersebut kepada pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 33 (A182)

Apakah langkah untuk memastikan tempoh proses permohonan mengikut Piagam Pelanggan dapat dicapai dan dipatuhi oleh Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

1. Memastikan permohonan lengkap yang diterima oleh pihak Unit Pusat Setempat (OSC) PBT diedar dalam tempoh tiga (3) hari kepada jabatan teknikal dalaman dan luaran yang berkaitan selepas permohonan didaftarkan.
2. Selaras dengan ketetapan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pihak jabatan teknikal yang dirujuk perlu memberi ulasan teknikal suatu pelan pemajuan dalam tempoh 14 hari.
3. Pemakaian Portal OSC yang dibangunkan oleh pihak KPKT memudahkan pemantauan tempoh piagam suatu permohonan oleh pihak Unit Pusat Setempat (OSC) PBT bagi merancang dan membawa permohonan pelan pemajuan di setiap Mesyuarat Jawatankuasa OSC Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana setiap permohonan didaftarkan didalam Sistem Portal OSC, tempoh piagam akan diselaraskan secara automatik mengikut jenis permohonan.
4. Penggunaan OSC Online dilihat membantu mempercepatkan dan memudahkan pihak OSC untuk memproses serta memperolehi ulasan teknikal jabatan berkaitan. Ini kerana edaran dokumen permohonan dapat dilakukan secara atas talian kepada jabatan berkaitan dalam tempoh satu (1) hari sahaja selepas permohonan didaftarkan. Maklum balas/ulasan jabatan teknikal berkaitan juga dapat diperolehi secara atas talian tanpa mengambil masa yang lama berbanding kaedah manual.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 34 (A55)

Minta dinyatakan sama ada Kerajaan Negeri bersedia menjadikan sejarah kesultanan Johor sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah agama negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kerajaan Negeri bersedia menjadikan sejarah Kesultanan Johor sebagai salah satu mata pelajaran di Sekolah Agama Kerajaan Johor (darjah satu sehingga darjah khas) dengan nama mata pelajaran tersebut ialah Kesultanan Islam Johor.

Buat masa ini Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) sedang dalam proses menyediakan sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, penulisan dan semakan buku teks/kitab mata pelajaran tersebut.

Proses cetakan buku teks/kitab akan dibuat setelah mendapat kelulusan kos daripada kerajaan negeri.

Proses pembelajaran dan pengajaran, pengucapan awam serta penataran kepada guru dan murid murid akan dilaksanakan mulai tahun hadapan. Tahap 1 akan dilaksanakan tahun 2020, tahap 2 pada tahun 2021 dan darjah Khas pada tahun 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 35 (A136)

Berapa jumlah cukai dan premium yang diperolehi oleh kerajaan negeri pada tahun lepas?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah berjaya mengutip cukai tanah semasa sebanyak **RM 358.8 juta** iaitu sebanyak **89.2%** daripada anggaran cukai tanah semasa.

Bagi Tunggakan Cukai Tanah pula, Kerajaan Negeri telah pun mengutip **RM 22.4 Juta** iaitu **sebanyak 34.2%** daripada anggaran tunggakan cukai tanah.

Bagi premium pula, Kerajaan Negeri telah memperoleh **RM 65.3 Juta** iaitu sebanyak **45%** daripada anggaran bagi premium geran.

Manakala bagi terimaan untuk Premium Serah Balik Kurnia Semula (SBKS) pula Kerajaan Negeri memperoleh sebanyak **RM 56.3 Juta** iaitu sebanyak **46.86%** daripada anggaran bagi premium Serah Balik Kurnia Semula (SBKS).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 36 (A82)

Kutipan yuran di Gunung Pulai dimaklumkan telah ditangguhkan. Apakah status terkini dan bilakah yuran ini akan bermula ?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Senai, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menguatkuasakan **Permit Memasuki Hutan Simpan Kekal** bagi memasuki mana-mana hutan tertutup.

Istilah yuran yang dibangkitkan oleh YB Senai adalah merujuk kepada **Permit Memasuki Hutan Simpan Kekal**.

Perkara-perkara berbangkit telah pun diberi maklum dan tindakan akan diambil sesuai keperluan. Antara perkara-perkara berkenaan adalah **Pertama**, punca kuasa keperluan bagi Permit Memasuki Hutan Simpan Kekal (HSK) seperti mana terkandung dalam Subseksyen 1 dan 4, Seksyen 47, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 (Akta 313).

Kedua, permohonan permit memasuki HSK secara talian terus (online) akan **ditangguhkan** tetapi keperluan permit bagi memasuki hutan tertutup masih perlu dilaksanakan sehinggalah keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri dari segi teknikal/ mekanisme kutipan yang akan dilaksanakan kelak.

Dan yang **Ketiga**, jajaran atau sempadan kedudukan serta had untuk Hutan Simpan Kekal terbuka dan tertutup akan diletakkan papan tanda dan pelan kawasan akan dinaikkan untuk memudahkan/maklumkan kepada pihak masyarakat awam.

Bagi kutipan yuran di Gunung Pulai, siri perbincangan oleh kerajaan negeri telah diadakan pada April dan Jun 2019 bersama YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Perlaburan dan Utiliti Negeri Johor.

Kertas cadangan **Kaedah Kutipan dan Kadar Permit Memasuki Hutan Simpan Kekal** seperti mana perkara 3 (b) akan dibentang dalam masa terdekat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 37 (A80)

Berapakah tanah rizab untuk rumah ibadah bagi golongan bukan Islam di kawasan Senai ?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Senai, bermula tahun 2015 hingga Mei 2019, terdapat sejumlah 10 rumah ibadat yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi tujuan membina Rumah Ibadat Bukan Islam di Senai dengan pecahan 7 rumah ibadat dibina untuk masyarakat Cina, 2 buah gereja dan sebuah rumah ibadat masyarakat India.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 30 JUN 2019**

**YB TUAN KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 38 (A84)**

Kegiatan kuari di kawasan Bukit Pengkalan berhampiran Taman Pagoh Jaya dan Nasuha Herba (Bukit Gemuruh Panchor) sedang giat beroperasi. Apakah kerajaan Johor ada rancangan menghentikan kegiatan kuari ini kerana berhampiran penduduk dan sungai Muar?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia, pengkuarian merupakan hasil kepada kerajaan negeri untuk kategori hasil bukan cukai.

Ia merupakan sumber semulajadi yang dapat memberi hasil kepada kerajaan negeri melalui bayaran premium, cukai tahunan dan pengeluaran permit 4C.

Plot tanah yang dimaksudkan adalah Lot 7412 yang merupakan tanah berhakmilik dan diusahakan oleh Syarikat Pagoh Quarry Sdn Bhd.

Pengusaha ini telah menghentikan operasi kuari tersebut pada tahun 2018 dan telah diberikan kelulusan sehingga bulan Mac 2019 untuk mengeluarkan *stockpile* bahan batuan. Pengusaha juga sedang menjalankan kerja-kerja penambakan dan membaik pulih tanah tersebut.

Untuk makluman, pemilik tanah tersebut mempunyai perancangan untuk membangunkan projek pembangunan bercampur namun begitu tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk menentukan zoning kawasan tersebut.